



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	18/2/2013

ISU LARANGAN MASUK XENOPHON

Tak jejas hubungan Malaysia, Australia

BH-18/2/2013

» Kritik isu larang masuk Senator tak patut layan: Dr M

Oleh Norakmah Mat Youb
dan Nor Fariza Ramlan
bhnews@bharian.com.my

▪ Kuala Lumpur

Larangan masuk terhadap Senator Australia, Nick Xenophon tidak akan menjejaskan hubungan baik antara Malaysia dengan nega-

ra berkenaan.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata terpulang kepada pihak berkaitan di Australia jika ada yang mahu mengkritik tindakan itu.

"Malah, jika dia datang ke dalam negara ini dengan niat yang tidak baik, lebih elok bertalka hasrat itu," katanya kepada pemberita pada Festival

Sambutan Tahun Baru Cina 2013, di Jalan Bukit Bintang, di sini, semalam.

Beliau mengulas mengenai keputusan Jabatan Imigresen untuk tidak membenarkan Senator Australia itu memasuki negara ini, Sabtu lalu.

Dihalang masuk Malaysia

Beberapa portal berita Australia kelmarin, melaporkan, Xe-

nophon yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), dihalang untuk memasuki negara ini.

Dr Mahathir berkata, Malaysia juga tidak perlu melayan kritikan dari Australia mengenai isu berkenaan.

"Mereka bebas untuk mengkritik," katanya.

Sementara itu, berucap pada majlis itu, Dr Mahathir berkata, keamanan dan keharmonian rakyat berbilang kaum di negara ini berikutan sikap mereka yang mempertahankan konsep perkongsian.

"Inilah Malaysia, kita tidak pernah bermusuhan antara kaum. Kita lebih suka kerjasama dan berkongsi. Disebabkan kita sanggup kongsi, maka kita aman.

"Kita juga berkongsi kuasa kerajaan. Tiada siapa yang ketinggalan. Kita bukan saja berkongsi perniagaan dan kekaayaan, malah perayaan juga," katanya.